

DENDANG BELUKAR

Black-hooded Oriole

FAMILI: Oriolidae

NAMA SAINTIFIK: *Oriolus xanthornus*

CIRI-CIRI

Spesies ini mempunyai badan dan sayap yang berwarna kuning keemasan manakala warna bahagian kepala adalah hitam. Di bahagian sayap terdapat jalur-jalur berwarna hitam dan ianya mempunyai paruh yang berwarna oren pudar. Bagi burung betina, warna di bahagian atas badan hingga tongkeng adalah hijau buah zaitun pudar, bahagian bawah badan dan sayap berwarna hitam tetapi ia lebih pudar berbanding dengan burung jantan dewasa. Bagi burung juvenil pula, ia seakan-akan burung betina tetapi warna hitam di bahagian kepala adalah agak pudar; mempunyai dahi berwarna kekuningan dengan terdapat garis-garis hitam dan bahagian mata berwarna putih kekuningan. Diperhatikan, bahagian tekak berwarna putih dengan terdapat jalur-jalur kehitaman manakala paruhnya berwarna hitam. Anggaran saiz bagi burung dewasa adalah di antara 22 sm-25 sm.

MAKANAN

Ia menggemari buah-buahan yang banyak terdapat di dalam hutan seperti buah ara atau lain-lain buah dari jenis beri, namun serangga dan ulat juga turut menjadi sebahagian daripada diet.

HABITAT

Burung ini boleh dijumpai di kawasan hutan dipterokap seperti hutan tanah pamah dan hutan sekunder, pinggir hutan, paya bakau, kawasan belukar air tawar dan taman. Spesies ini boleh dijumpai sehingga ketinggian 915 m dari aras laut.

BUNYI

Burung ini mengeluarkan bunyi yang berulang-ulang *h HWI'UU* dan *h wu' CHI-WU*. Ia juga mengeluarkan yang kuat *tcheo* atau *tchew* dan menghasilkan bunyi *cheeeah* atau *kwaah* apabila terasa dirinya terancam.

PEMBIAKAN

Burung ini membina sarang berbentuk bujur dan digantung di dahan-dahan pokok dan ketinggian sarang adalah dari 4 m-10 m dari aras tanah. Musim membiak bagi burung ini adalah dari bulan Februari hingga Ogos pada setiap tahun. Burung betina menghasilkan 2-4 biji telur pada setiap kali ianya bertelur dan telur adalah berwarna merah buah jambu pudar dengan terdapat tompok-tompok coklat buah berangan ke coklat kemerahan. Secara anggaran, saiz telur adalah 28 x 19.4 mm.

STATUS

Akta 76/72, dilindungi sepenuhnya.